



## Kiwi

Kiwi ialah saudagar yang menghantar dan menyebarkan barangan mereka untuk diperdagangkan. Sekiranya Kiwi tidak belayar bersama, tempatnya akan diganti oleh wakilnya yang dikenali sebagai Maula Kiwi.

Fasal 20, Undang-Undang Laut Melaka, apabila sesebuah kapal sampai ke pelabuhan Melaka, Kiwi akan dibenarkan berniaga selama dua hari selepas nakhoda.

Fasal 10, Undang-Undang Laut Melaka, Kiwi mempunyai banyak petak berniaga. Kiwi menjalankan perniagaan dengan menggunakan kapal melalui empat cara:-

- (a) Kiwi membeli hak terhadap petak-petak kapal.
- (b) Kiwi tidak membeli hak terhadap petak tetapi menambahkan modal nakhoda kapal berkenaan dengan nilai tiga atau empat tahlil emas. Sekiranya dinilai dari segi dagangan biji-bijian, Kiwi berkenaan diberikan hak berkongsi dua atau tiga koyan pemilik kapal berkenaan
- (c) Kiwi mengambil tujuh atau lapan petak sebagai “share” pada ruang muatan kapal.
- (d) Kiwi tidak membeli petak tetapi berjanji akan menyerahkan  $\frac{3}{10}$  daripada bahagiannya sebagai cukai kepada nakhoda.

Fasal 10 juga menyebut bahawa Kiwi dikehendaki untuk memberikan sumbangan dalam persediaan untuk belayar. Kiwi juga mesti membayar cukai pelabuhan bagi tujuh atau lapan petak yang dimilikinya.